



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 1 RABU 5 JANUARI, 1966.

1385 ربيع 13 رمضان

PERCHUMA

Shabash Umat Islam Di-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI — Sa-orang juruchakap dari Mahkamah Sharaiah Brunei telah memuji penduduk2 yang beragama Islam di-Negeri Brunei kerana mereka telah tidak kelihatan makan, minum atau merokok di-kedai2, pasar2 dan di-hadapan orang ramai pada siang hari dalam Bulan Puasa.

"Semenjak hari pertama di-mulai fardhu Puasa di-Negeri Brunei, ia-itu pada hari Juma'at 24 Disember, 1965 hingga-lah ka-hari Ithnin 3 Januari, 1966 sa-orang Islam pun telah tidak di-lihat oleh Pegawai2 yang berkenaan di-khalayak ramai makan, minum atau merokok pada siang hari", kata beliau.

Beliau berharap agar-nya langkah yang sa-demikian itu akan dapat di-lakukan oleh Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei pada waktu siang hari di-sapanjang bulan Ramadhan ini.



Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

Seruan Pengarah D.B.P. Menjelang Tahun Baru

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, menerusi PELITA BRUNEI, menyeru kepada orang ramai di-Negeri Brunei, terutama sekali Pegawai2 Kerajaan dan pekerja2 Sharikat2 Perniagaan, supaya menggunakan Bahasa Melayu dalam segala lapangan menjelang Tahun Baru 1966 ini — lebeh2 luas lagi daripada tahun 1965 yang lalu.

"Dari kegiatan itu, dapat-lah di-perhatikan sa-jauh mana sokongan2 yang di-berikan oleh orang ramai kepada Kerajaan dalam hal penggunaan Bahasa Melayu seperti yang tersebut dalam Perlembagaan Negara", kata beliau.

Beliau menegaskan lagi, "Orang ramai jangan-lah ragu2 lagi dalam hal melaksanakan pemakaian Bahasa Melayu ini. Teruskan-lah penggunaan-nya pada sa-tiap masa".



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil.

Menteri Besar Brunei Berharap

TAHUN BARU 1966 AKAN MEMBERI KEBAHAGIAAN DAN KEMAJUAN KAPADA RA'AYAT

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun berkata dalam ucapan beliau bagi menyambut awal tahun baru ini bahawa tahun lepas ada-lah berupa tahun kenang2an kepada Negeri Brunei dan berharap sa-moga tahun yang baru ini akan memberi kebahagiaan dan kema'amoran yang lebeh2 lagi kepada semua orang ra'ayat negara ini.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah melafadzkan ucapan tersebut menerusi Radio Brunei sa-belum menjelang awal tahun baru 1966.

Ucapan beliau dengan sapa-nohnya ada-lah di-siarkan sapa-beri berikut:

"Di-hari yang berbahagia ini saya mengambil peluang meng-ucapkan kepada sekalian ra'ayat dan penduduk di-Negeri ini "SELAMAT TAHUN BAHARU".

Saya berharap agar ra'ayat dan penduduk sekalian telah mengalami kebahagiaan dalam tahun yang lalu dan semoga tahun yang akan datang ini akan memberi kebahagiaan dan kema'amoran yang lebeh2 lagi kepada seluruh ra'ayat sekalian.

Sambil kita menempoh ka-tahun yang baharu, barang sudah tentu kita akan mesti juga menoleh ka-belakang untuk meng-ingati balek tahun yang lampau. Sesiapa pun tidak akan dapat menafikan bahawa apa yang telah kita perbuat di-tahun yang sudah akan menentukan apa yang mesti kita buat di-masa yang akan datang bagi faedah, bukan sahaja untuk diri kita sendiri, akan tetapi juga untuk Negeri.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei akan di-sambung sa-mula pada 11 Januari, 1966 mulai jam 9 pagi bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei sejak ia-nya di-tangguhkan

Tahun 1965 berupa satu tahun kenang2an kepada Negeri Brunei ini dari semenjak Perlembagaan di-gantungkan akibat penderha-kaan yang berlaku, pada bulan Disember, 1962. Dengan di-adakan sekali lagi Pilihan Raya pada tahun yang lalu, telah dapat kita bermaju sa-langkah ka-hadapan mengadakan satu chorak kementerian yang mempunyai sa-bahagian wakil ra'ayat.

Dengan ada-nya chorak ke-menterian yang telah di-mulakan di-tahun yang lalu itu, maka dapat-lah kita mengadakan satu kelengkapan permulaan dalam mana ra'ayat dapat menyatakan buah fikiran mereka menerusi wakil2 yang mereka pilih.

pada 23 Disember, 1965.

Orang ramai yang ingin hendak menyaksikan permashuaratan tersebut ada-lah di-minta mendapat surat ke-benaran dari Jurutulis, Majlis2 Mashuarat.

Menjelang tahun yang baharu, maka ada-lah menjadi kewajiban kita agar kemajuan yang telah kita chapai sa-hingga ini akan dapat di-pertahankan supaya akan menjadi tapak bagi kejayaan yang lebeh besar di-masa hadapan.

KEMAJUAN PERLEMBAGAAN

Dalam menchapai kemajuan perlembagaan dan ekonomi, kita mesti menggunakan kebijaksanaan dan keadilan. Kapada mereka sekalian yang bertanggung jawab dalam menjalankan pertadbiran Kerajaan, saya menyeru agar mereka hendak-nya berdiri tegap dan jangan terkeliru oleh kerana kegembiraan dan kebanggaan. Hendak-lah mereka halusi tiap2 satu masalah di-hadapan mereka dengan teliti dan hendak-lah berhati2 dalam menjalankan tugas dan tanggung jawab mereka bagi menyampurnakan

(Lihat muka 4)

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

SIRI KETIGA:

Sebagai yang telah di-utarakan dalam tulisan2 yang lalu, bahawa bahasa ada-lah sesuatu yang berkembang. Dalam perkembangan2 itu kita dapat mengikuti peralih-an2 yang sempurna, dan bentuk yang berbedza2. Suatu bahasa dasar atau bahasa pokok dapat mati, yang kemudian-nya bertumbuh kembali menjadi cha-bang2 bahasa yang lain. Mithal-nya pada pengakhiran kurun ke-delapan belas, suatu bahasa kuno yang telah mati di-India ia-itu bahasa Sanskrit, mempunyai hu-bongan yang menurun kepada bahasa2 Eropah; terutama dalam bahasa2 Gerik dan Latin juga dalam bahasa2 Eropah yang moden.

Ahli philologist yang mula2 mendapat perkaitan bahasa San-skrit dengan bahasa2 Gerik atau Latin ia-lah sa-orang Serjana ba-hasa Inggeris yang bernama Sir William Jones (1746 - 1794). Ahli2 bahasa telah dapat meng-ambil contoh jelas dari kata dasar bahasa seperti dalam ba-hasa Sanskrit terdapat perkataan "sta" yang erti-nya tegak atau berdiri; yang banyak di-dapati perbedzaan2 rangsan dalam sebutan pada bahasa2 Eropah.

Sa-benar-nya, pertumbuhan ba-hasa mempunyai sifat2 khusus yang timbul dari keadaan2 yang di-pengarohi dan mempengaruhi. Ia-nya mempunyai perkaitan

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi PERANGKAB

KAMPONG BURONG PINGAI — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Brunei (nama ringkas-nya PERANGKAB) telah mengadakan Mashuarat Agung-nya kali yang pertama di Kampong Burong Pingai Darat baru2 ini.

Jawatan Kuasa Tertinggi PERANG-KAB yang di-lantik dalam mashua-rat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua — Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah. *Naib Yang Dipertua* — Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti.

Setia Usaha Agung — Awang Abdul Rahman bin Mohd. Yusof. *Naib Setia Usaha Agung* — Awang Abdul Latif bin Chuchu. *Bendahari Agung* — Awang Asbee bin Khatib Abdullah. *Pemereksa Kira2* — Awang Aliakbar Ibrahim dan Awang Ilmi bin Ghafar.

Jawatan Kuasa Seksi2 — Seksi Sosial dan Kebajikan: Awang Abdul Wahab bin Awang Tengah. Seksi Persuratan dan Penerangan: Awang Tuah bin Awang Ahmad. Seksi Ke-senian dan Kebudayaan: Awang Abdul Rahman bin Awang Salim. Seksi Pelajaran: Awang Ahmad bin Awang Ghafar. Seksi Sokan dan Olahraga: Awang Aspawi bin Abdul Latif.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa persatuan tersebut akan menggabungkan diri-nya dengan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei sedikit hari lagi.

oleh Ibrahim Mohd. Said

rapat dan langsung pula dengan keadaan2 atau perkara2 seperti: (a) Masa, (b) Tempat, (c) Aklim dan suasana se-kitar dan (d) Per-champoran. Dalam hal ini ter-dapat pula perbedzaan2 yang rangsan dalam pengolahan, penu-turan dan pemakaian suatu ba-hasa yang sama; hal ini terjadi di-sebabkan oleh keadaan2 yang timbul dari empat faktor tadi, bagi bahasa apa pun di-dunia, ia tidak akan terlepas dari faktor2 telah di-sebutkan itu.

BAHASA YANG MAJU

Bagi bahasa yang maju dan berkembang, ia tidak akan maju dan lengkap jika ia tidak mem-punyai sifat2 khusus yang se-harus-nya di-mileki oleh setiap bahasa itu. Bahasa yang berkem-bang, harus mempunyai sifat2 memberi dan menerima; jika tidak ia akan mengalami nasib "dead Language" bahasa yang mati, dan nasib seperti ini-lah yang telah di-alami oleh bahasa Sanskrit; meskipun bahasa San-skrit dapat memberi, tetapi ia merupakan suatu bahasa yang tidak dapat menerima.

Pengaruh bahasa Sanskrit me-mang kita akui, di-Timur dan di-Barat, dalam bahasa kita sendiri, sebahagian besar dari bahasa Melayu ada-lah di-pengarohi oleh katadasar bahasa Sanskrit. Nam-un di-India sendiri, ia tidak di-pertuturkan orang lagi, malah berpechah menjadi kelompok2 bahasa yang berbedza2 dari dasar asal-nya.

Dalam suatu bahasa yang sama, atau suatu bahasa yang standard di-gunakan oleh suatu rumpun bangsa, pun sebagai yang di-kata-kan tadi, ada mempunyai per-bedzaan2 khusus dalam sa-te-ngah2 sebutan malah pengertian dan pemakaian-nya pun juga ber-bedza. Perbedzaan itu nyata dari keadaan tempat dan kedudukan di-mana suatu bahasa itu di-per-

gunakan. Mithal-nya terdapat sahaja perbedzaan bahasa yang sama di-antara bahasa Melayu yang di-gunakan di-Malaya de-ngan yang di-gunakan di-Indo-nesia. Pokok-nya sama, tetapi pada sa-tengah2 perkataan ada yang berlainan pemakaian-nya dan pengertian-nya.

Kita ambil contoh perkataan "harus" di-Indonesia erti-nya wajib atau mesti, sedangkan di-Malaya perkataan harus itu ber-erti "boleh jadi". Ini ada-lah suatu contoh rangsan dari per-

bedzaan2 itu, dan hal bukan sa-haja terdapat pada bahasa Me-layu, juga terdapat dalam bahasa lain seperti yang terdapat dalam bahasa Inggeris yang di-gunakan di-negeri Inggeris sendiri seperti di-Amerika, Australia, Canada dan lain2. Selain dari itu terdapat pula tatakalamat dan sebutan yang berbedza dalam suatu bangsa yang rumpun-nya sama, hal ini dapat di-katakan sebagai suatu kepilatan daerah, yang sesung-goh-nya di-pengarohi oleh faktor tempat, aklim dan suasana se-kitar.

(BERSAMBONG)

Gunakan-lah Bahasa Melayu

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Januari hingga ka-hari Selasa 11 Januari, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5	5	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
6	6	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
7	7	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
8	8	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
9	9	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
10	10	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
11	11	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Awang H. M. Salleh telah merasmikan penubuhan Per-satuan Angkatan Belia Burong Pingai Brunei (PERANGKAB) baru2 ini. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis pe-nubuhan rasmi per-satuan tersebut. Dudok kiri ia-lah Yang Di-pertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar.

Halaman Ugama:

Surat Keliling Jabatan Ugama Brunei

BANDAR BRUNEI — “Seluruh Umat Islam yang mengakui dirinya menjunjung titah perintah Allah dan Rasul-Nya, hendaklah menunaikan PERINTAH BERPUASA dalam bulan Ramadhan yang diwajibkan itu, dan janganlah makan/minum atau menghisap rokok atau pun melahirkan tidak berpuasa pada siang hari dalam bulan yang mulia ini di kedai2 atau di tempat2 khalayak ramai.

Menurut undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadz Negeri Brunei di-bawah Bab 172 Bahagian (9) Bilangan 20 tahun 1955, mereka yang di-dapati melanggar perintah di-atas, boleh di-denda kerana kesalahan yang pertama \$50, kesalahan kedua \$75 dan kesalahan ketiga \$100.

Orang2 yang di-haruskan berbuka puasa:—

- (1) Orang yang sakit.
- (2) Orang yang terlalu tua tidak berdaya mengerjakan puasa.
- (3) Orang yang sedang musafir (di-dalam pelayaran) bukan kerana ma'siat.
- (4) Orang yang berasa terlalu lapar atau terlalu dahaga, hingga boleh membahayakan diri-nya jika ia tidak minum atau tidak makan pada hari itu.
- (5) Orang perempuan yang hamil atau sedang menyusukan anak-nya.

Orang2 yang di-haruskan berbuka puasa (saperti yang di-sebut di-atas tadi, ada kala-nya wajib qadha' sahaja, ada kala-nya wajib qadha' serta fidyah, dan ada kala-nya wajib fidyah sahaja.

ORANG2 YANG WAJIB QADHA' SAHAJA

Orang2 yang wajib qadha' (membayar hutang) sahaja, kerana berbuka (tidak berpuasa) pada bulan Ramadhan, dan tiada di-wajibkan denda atau tebusan yang lain2, ia-lah:

- (1) Orang sakit, termasuklah dalam bahagian sakit ini, orang2 perempuan yang di-datangi haidh, atau nifas (beranak), orang mabok dan pitam.
- (2) Orang yang sedang musafir (yang sedang dalam pelayaran) dengan syarat pelayaran tersebut hendaklah pada jalan yang halal, bukan kerana ma'siat.
- (3) Orang yang berasa terlalu lapar atau terlalu dahaga, hingga boleh membahayakan diri-nya jika tidak minum atau tidak makan pada hari ia berpuasa itu.
- (4) Perempuan yang sedang hamil atau sedang menyusukan anak-nya, jika ia berbuka (tidak puasa) takut

Mengenai Puasa

Juga ada-lah di-ingatkan kepada semua pekedai2 yang berkenaan supaya jangan menjual makanan kepada orang2 Islam sa-panjang siang hari dalam bulan Puasa. Pekedai2 yang di-dapati melanggar perintah2 itu boleh di-hukum di-Mahkamah Magistrate di-bawah Undang2 No. 20 tahun 1955.

Menurut undang2 No. 20 tahun

1955 bab 65, orang2 yang tersebut di-bawah ini di-beri kuasa menangkap dengan tidak warrant mana2 orang yang telah melakukan atau menchuba melakukan apa2 kesalahan di-hadapan-nya yang berlawanan dengan undang2 tersebut yang akan merosakkan keamanan.

Mereka itu ia-lah (a) Pulis, (b) Penghulu dan (c) Imam, Khatib dan Bilal.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah melantek beberapa orang Penyiasat Hal Ehwal Ugama yang mengawasi dan menjalankan perintah itu.” — Demikian bunyi Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang di-terbitkan sa-belum menjelang Bulan Ramadhan, 1385.

Puasa

Oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

berlaku mudharat pada diri-nya sendiri.

Pada mereka yang di-sebut di-atas tadi, wajib ia qadha' (membayar hutang) puasa-nya, sa-besarnya banyak hari yang di-tinggalkan, dan hendaklah di-lakukan qadha' puasa-nya itu sa-belum datang-nya bulan Ramadhan (Puasa) yang lain.

Orang2 yang di-sebutkan di-bawah ini pula, wajib ia qadha' (membayar hutang puasa) sa-besarnya banyak hari puasa yang di-tinggalkan-nya, serta wajib mengeluarkan “Fidyah”, ia-itu tebusan puasa. Tebusan puasa yang di-maksudkan itu ia-lah dengan mengeluarkan satu MUD (sukatan kira2 satu kati) dari makanan biasa anak negeri (beras bagi orang2 di-Tanah Melayu, gandum bagi orang2 di-India), dan beras satu mud itu hendaklah di-berikan kepada orang2 fakir atau orang2 miskin, mengikut berapa banyak-nya hari2 puasa yang di-tinggalkan-nya. Umpama-nya kalau ia meninggalkan puasa 5 hari, wajib-lah ia qadha' lima hari dan sa-tiap hari ia mengqadha' puasa-nya itu hendaklah ia mengeluarkan tebusan satu mud beras, jadi di-dalam 5 hari itu 5 mud beras ia mengeluarkan-nya.

Orang2 yang wajib qadha' serta fidyah itu ia-lah:

- (1) Perempuan yang sedang hamil jika takutkan berlaku mudharat atas diri anak yang di-dalam kandungan-nya.
- (2) Perempuan yang sedang menyusukan anak jika takutkan mudharat atas diri anak yang sedang di-susui-nya.

- (3) Orang yang melambatkan qadha' puasa-nya hingga datang bulan Ramadhan yang lain.

Di-bawah ini di-sebut pula orang2 yang hanya di-wajibkan mengeluarkan fidyah (tebusan) sahaja, dan tidak di-wajibkan qadha' (membayar) puasa yang di-tinggalkan-nya, mereka itu ia-lah:

- (1) Orang yang terlalu tua dan tidak terdaya untuk mengerjakan puasa.
- (2) Orang sakit yang tidak ada harapan sembuh dari penyakit-nya atau orang yang sakit dan kerana sakit-nya itu terus membawa ia mati.

Orang2 yang tersebut di-atas tadi, tidak wajib bagi mereka qadha' atau berpuasa untuk membayar puasa2 yang di-tinggalkan-nya dalam bulan Ramadhan hanya wajib atas mereka mengeluarkan fidyah ia-itu satu Mud beras (kira2 sa-kati) dan di-berikan kepada fakir miskin, mengikut berapa banyak-nya hari2 puasa yang di-tinggalkan-nya.

Orang yang senghaja bersestuboh pada siang hari masa ia berpuasa di-bulan Ramadhan rosak (batal) puasa-nya dan wajib ia qadha' serta membayar “Kafarah”.

Kafarah erti-nya denda, dan denda yang di-kehendaki dan dikenakan di-sini ia-lah di-atas lelaki sahaja. Kafarah atau denda yang di-kenakan itu hendaklah di-tunaikan mengikut susunan-nya tidak boleh memilih salah satu daripada-nya atau memilih yang senang sahaja, kerana ini ada-lah sa-bagai denda hukuman yang di-kenakan ka-

Peraduan Tafsir Al-Qur'an

BANDAR BRUNEI. — Badan Jawatan Kuasa Malam Memperingati Nuzul Al-Qur'an (Turun-nya Al-Qur'an) akan menganjorkan Peraduan Tafsir Al-Qur'an terbuka kepada Pertubuhan2 Belia, Maktab2 dan Badan2 Persekolahan Daerah Brunei/Muara.

Peraduan ini ada-lah sebagai salah satu acara sambutan yang akan diadakan pada hari Sabtu malam Ahad 8 Januari, 1966 bersamaan dengan malam 17 Ramadhan, 1385 bertempat di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei, di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

SHARAT2 PERADUAN

Setiap Pertubuhan /Maktab/Badan Sekolah hanya di-benarkan menghantar sa-orang wakil, tidak kira lelaki atau perempuan.

- Tafsir yang di-kehendaki ia-lah:
- (a) Surat Al-Alaq, ayat 1 sampai 5.
 - (b) Mengandungi tujuan atau maksud ayat2.
 - (c) Masa yang di-untukkan tidak lebih dari sepuluh minit.
 - (d) Jangan menyentuh hal2 siasah dan peribadi sa-saoral yang tertentu.

Peraduan ini akan di-adakan pemilihan jika sekira-nya peserta2 lebih dari lima orang.

atas orang yang merosakkan puasa-nya dengan bersestuboh pada siang hari bulan Ramadhan.

Kafarah tersebut mengikut susunan-nya ada-lah sa-bagai berikut:

- (1) Memerdekakan sa-orang hamba Islam. Maksud-nya hendaklah membeli atau menebus sa-orang hamba abdi (yang beragama Islam), lalu memerdekakan-nya daripada menjadi hamba. Jika perkara ini tidak boleh di-dapati (saperti keadaan di-negeri2 Tanah Melayu ini), baharu-lah boleh beraleh kepada:
- (2) Berpuasa 2 bulan berturut2, di-lakukan pada lain daripada bulan Ramadhan. Maksud berturut2 ia-itu hendaklah di-lakukan puasa itu dalam 2 bulan tidak boleh lat biar pun sahari. Kalau umpama-nya ia telah melakukan puasa kafarah ini dalam 5 hari tiba2 pada hari ke 6 ia berbuka kerana tak tahan berpuasa, maka rosak-lah puasa2-nya yang 6 hari itu dan hendaklah ia kembali menghitung puasa-nya dari satu pada hari ia berpuasa pada hari yang ke 7 itu, hari yang ke 2 pada masa ia mengerjakan puasa hari yang ke 8 dan sa-terus-nya. Jika dalam perkara ini ia lemah, tidak terdaya melakukan puasa berturut2 sa-lama 2 bulan itu, baharu-lah boleh ia beraleh kepada:
- (3) Memberi makanan kepada 60 orang fakir miskin, tiap2 sa-orang satu Mud (kira2 satu kati), jadi kira2 60 kati makanan yang biasa di-makan oleh orang2 negeri itu.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

So'al Jawab Bertulis

(Sambongan Minggu Lepas)

JAWAPAN KERAJAAN:

18. Rancangan Pembinaan Perlabuhan Muara itu ada-lah sekarang di-dalam tangan Jurutera Penasehat (Consulting Engineer). Penyelidikan Perayeran (Hydrological Survey) telah pun selesai, tetapi ada banyak lagi kerja yang perlu di-buat di-dalam hal perancangan dan pembentokan sa-belum kerja2 di-mulakan di-atas tapak-nya.

SO'ALAN:

19. **Kemajuan Tembok2 Sungai.**
Apa-kah sebab-nya berlaku kelewatan bagi menyiapkan rancangan Tembok Sungai di-Bandar Brunei, dan bila-kah kita dapat melihat yang kerja itu akan siap?

JAWAPAN KERAJAAN:

19. Kelambatan ada-lah disebabkan kerosakan dari segi teknikal di-dalam menanam fail2-nya. Adalah di-harapkan rancangan ini akan siap tidak berapa lama lagi, kecuali bahagian yang bertentangan dengan Depot Shell di-Subok kerana depot itu tidak boleh di-pindahkan kecuali tempat-nya sudah ada sedia.

SO'ALAN:

20. **Kemajuan:**
i) **Bekalan Ayer — Kampong Ayer**
ii) **Jalan Raya Seria.**
Bila-kah Kampong Ayer akan mendapat bekalan ayer berpam yang betul dan kenapakah lewat di-siapkan projek itu? Bila-kah kampong2 di-Jalan Raya Brunei-Seria akan mendapat ayer2 yang berpam?

JAWAPAN KERAJAAN:

20. Kebanyakan daripada Kampong Ayer itu sudah pun mendapat bekalan ayer dari saluran yang tertentu dan tambahan kepada bekalan ayer yang ada itu akan di-adakan tidak berapa lama

lagi. Mengenai bekalan ayer kepada penduduk2 di-Jalan Brunei-Seria perkara ini sedang di-dalam pertimbangan Kerajaan.

SO'ALAN:

21. Kemajuan:

Tempat2 Talipon bagi orang ramai.

Bila-kah kemudahan2 ini akan di-adakan di-tempat2 yang penting, sama ada di-dalam bandar, Kampong Ayer dan kampong2 yang besar, sekira-nya berlaku dharurat — kebakaran, sakit dan lain2? Dapat-kah keutamaan di-beri kepada perkhidmatan yang penting ini?

JAWAPAN KERAJAAN:

21. Perkara ini sudah sa-memang ada di-dalam rancangan Kerajaan dan pengadaannya akan di-buat menurut keadaan dan keutamaan tempat2 yang berkenaan. Tetapi, walau bagaimanapun iklan telah pun dikeluarkan baharu2 ini untuk menjemput tawaran kerana membekalkan tempat2 untuk talipon awam di-Bandar Brunei.

SO'ALAN:

22. Stadium Olahraga.

Ada-kah sebarang langkah yang tegas yang sedang di-lakukan terhadap projek yang telah lama terlewat itu, dan jika sedemikian, apa-kah yang sebenar-nya telah di-ranchangkan, di-manakah ia-nya akan di-bena, bila-kah ia-nya akan siap dan, yang mustahak sekali sudah-kah sesuatu di-laksanakan tentang pengambilan bekerja kaki-tangan berkelakayan yang sesuai untuk mengendalikan-nya?

JAWAPAN KERAJAAN:

22. Pengadaan Stadium ini tidak ada di-sediakan di-dalam Rancangan Kemajuan. Tetapi

akan di-masokkan di-dalam Rancangan Kemajuan tahun depan. Tapak-nya telah pun di-dapati dekat dengan Bolkliah Camp dan rancangan untuk mengadakan kolam renang sebagai langkah awal ada-lah sedang di-buat. Soalan untuk mengadakan kaki-tangan2-nya juga tidak di-lupa.

oleh Y.B. Pengiran Mohd.

Yusof bin Pengiran

Abu Bakar

SO'ALAN:

23. Rakyat telah menyedari betapa dan peri mustahak-nya perhubungan melalui Talipon; terutama pada masa keemasan, kemalangan Jalan Raya, kebakaran dan lain2. Rayuan2 kerana meminta pasangan Talipon untuk orang ramai (Public Telephone) telah pun di-kemukakan kepada Kerajaan melalui Mukim Konsel. Majlis Mashuarat Daerah dan Majlis Perjumpaan Penghulu dan Ketua2 Kampong. Bila-kah Kerajaan akan dapat mengadakan Talipon Orang Ramai untuk memenuhi rayuan2 tersebut? Atau ada-kah Kerajaan berfikir bahawa Talipon Orang Ramai itu tidak mustahak atau lain2 sebab?

JAWAPAN KERAJAAN:

23. Kerajaan memang menyedari akan peri mustahak-nya alat perhubungan talipon. Perkara ini sa-memang-nya sudah ada di-dalam rancangan perkembangan, tetapi pengadaannya di-sa-suatu tempat itu ada-lah menurut keadaan, kemustahakan dan keutamaan masing2-nya yang di-fikirkan patut.

SO'ALAN:

24. Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah bersidang pada 19, 20 dan 22 Disember, 1960 ada meluluskan usul2 antara lain:

- Supaya Kerajaan mengadakan jentera perchetakan sendiri;
- Kerajaan menyegerakan usaha2 mendirikan Pusat Pertanian;
- Melantik Lembaga yang bertanggung-jawap untuk mengawal hal ehwal Jabatan Kerja Raya;
- Buruh2 dari luar negeri yang di-bawa oleh pemborong2 masuk ka-dalam negeri ini hendak-lah tidak lebih dari 20% daripada ramai jumlah buruh-nya;
- Supaya Kerajaan menyimpan padi dan ubat2 untuk orang ramai selama cukup di-pakai di-dalam dua tahun.

(BERSAMBONG)

Uchapan Tahun Baru Oleh Menteri Besar

(Dari Muka 1)

kehendak2 mengikut keadaan dan masa.

SEGI EKONOMI

Di-segi ekonomi, Kerajaan tidak juga ketinggalan menjalankan apa juga rancangan2 yang mendatangkan faedah kepada ra'ayat dan Negeri. Tentu-lah ra'ayat dan penduduk di-Negeri ini sadar akan kejujuran dan kebolehan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia berikhtiar untuk memberi kemudahan2 yang mendatangkan munafa'at kepada ra'ayat.

Kerajaan akan terus berikhtiar menyempurnakan rancangan lima tahun dan akan lebih2 giat lagi dalam masa hadapan mengikut semangat rancangan perkembangan supaya dapat di-adakan ekonomi yang beraneka rupa, dengan harapan bagi meningkatkan pendapatan tiap2 ra'ayat dan penduduk, peluang bekerja dan lain2-nya.

MAJU KAHADAPAN

Dalam daya usaha mencapai kebahagiaan, saya berseru kepada ra'ayat dan penduduk Negeri agar memberikan se-

penoh2 kepercayaan, kerjasama dan bantuan kepada Kerajaan supaya kita dapat maju kahadapan dengan lebih chepat lagi serta mempertahankan hak negeri kita yang aman ini.

Kita tidak juga lupa bahawa ketenteraman yang kita semua nikmati hari ini ada-lah hasil dari kecekapan pasokan2 bersenjata yang terdiri dari pasokan2 keselamatan tempatan dan pasokan keselamatan yang di-perbantukan ka-negeri ini oleh Kerajaan Baginda Queen. Kepada mereka itu saya ucapkan sa-tinggi2 tahniah dan terima kasih. Semoga di-tahun yang akan datang ini akan memberi kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan kepada mereka dan kita seluruh-nya.

TERIMA KASEH

Akhir-nya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sekalian kaki-tangan Kerajaan yang telah memberikan kerjasama mereka bagi menjayakan pertadbiran Kerajaan.

Sekian, harap maju jaya dan di-iringi sekali lagi dengan ucapan "SELAMAT TAHUN BAHARU".



Satu temasha Sambutan Hari Raya Krismas untuk kanak2 yang sakit dari berbagai2 bangsa di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah di-adakan di-Bilik Kanak2 Rumah Sakit Besar itu pada petang 22 Disember, 1965 di-bawah anjuran Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei, dengan kerjasama Pegawai Perubatan Negara, Brunei Dato Doktor P. I. Franks dan Pegawai2 serta Anggota2 Rumah Sakit Besar, Brunei.

Pengerusi, Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin (berdiri di-hujung kiri sekali) telah mengucapkan terima kasih bagi pihak Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei kepada pihak2 yang berkenaan yang telah bekerjasama dengan Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei untuk menjayakan rancangan tersebut. Doktor I. G. Singh, bagi Pihak Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Dato Doktor P. I. Franks

yang pada hari tersebut berada di-luar negeri telah mengucapkan terima kasih kepada Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei yang telah mengadakan temasha tersebut.

Chenderamata2 berupa pakaian baru telah di-berikan kepada kanak2 sakit itu oleh BAPA KRISMAS. Kanak2 itu juga telah di-jamukan dengan kueh2 raya dan minuman. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai2 Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei, serta Wakil2 Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei; Anggota2 Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei; BAPA KRISMAS dan lain2-nya semasa di-adakan majlis sambutan tersebut.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa, Brunei akan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina uptok meraikan kanak2 yang sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei pada petang hari Selasa 25 Januari, 1966.

Dunia Hari Ini:

PERUBAHAN SA-TAHUN DI-VIETNAM

oleh Hanafi Joffri

TAHUN Baru 1966 sudah pun menjelang, tahun 1965 telah kita tinggalkan kebelakang dan keadaan di-dunia hari ini, banyak yang masih belum berubah, terutama sekali dalam bidang persengketaan, yang di-chetuskan oleh perkembangan politik, di-sesababkan daerah, maupun di-sebelah Timur atau di-sebelah Barat, yang bakti-nya dapat di-nilai-kan dari laporan2 bangsa, selama jangka waktu itu.

Hasil yang di-chapai selama itu ada-lah tidak seimbang, kerana segala daya usaha yang di-laksanakan untuk mendapatkan perdamaian, ada-lah memerlukan hasil yang konkret. Maka akan hal itu molek-lah kita tinjau pula laporan Stephen Somerville, wartawan sharikat berita Reuter, mengenai perkembangan setahun di-Vietnam.

BAHAYA

Sa-tahun dulu, ia-itu menjelang-nya akhir tahun 1964, beberapa keluarga Barat bersama harta benda mereka, telah meninggalkan Saigon, kerana chiti hari Natal dan tahun bahru 65. Pada masa itu kedudukan di-Vietnam juga nampak-nya agak membahayakan.

Apabila peperangan di-Vietnam itu melimpasi tahun baharu 65 terdapat segulungan kecil tokoh politik dan tentera yang meramalkan kemungkinan di-chapai penyelesaian persengketaan di-negeri itu, atau sekurang-nya terlaksana satu perundingan damai.

PEPERANGAN

Kemudian dalam masa selama 12 bulan sahaja, ia-itu dalam tahun 65, peperangan di-Vietnam sama sekali bertukar chorak, kerana kalau tahun 64 pasukan Vietnam sendiri yang membuat perhitungan dengan Kominis Viet, maka dalam tahun 65, pasukan itu menerima bantuan paling besar dari Amerika, dari pasukan bersekutu yang meliputi Australia, New Zealand dan Korea Selatan.

Pada mula-nya hanya terdapat 23,000 orang penasihat tentera Amerika, tetapi hari ini, jumlah itu berubah kepada 183,000 orang dan penambahan nampak-nya semakin meningkat dengan chepat.

PERTEMPORAN

Pada masa itu juga pertemporan di-antara pasukan kerajaan dengan Kominis Viet Cong sulit hendak di-laporkan hasil-nya, kerana setiap waktu pertemporan kedua2 belah pihak sentiasa menderita kemalangan yang sama. Tetapi jika menurut jabat-

an perisik Amerika di-Saigon, Viet Cong menerima pukulan hebat.

Pertemporan hebat mulai menjadi2 menjelang akhir tahun 1964. Menurut laporan, tiga hari selepas hari Natal, Kominis Viet Cong yang besar jumlah-nya berjaya mengepung dan menawan pekan kecil Binh Gia, 40 batu ke-Timur Saigon.

Tetapi kejayaan Viet Cong itu telah merosot apabila beberapa battalion pasukan tentera Vietnam dengan bantuan pihak Amerika, memukul undur Viet Cong dalam perjuangan selama enam hari, dengan mendapat kemalangan besar. Akhir-nya, dengan tindakan itu, Kominis Viet Cong mengundurkan diri, menyusup masuk ke-hutan, tetapi gerakannya semakin diperhebatkan dengan chara tectic bahru menyebabkan pihak kerajaan menderita kemalangan besar, di-satu ketika.

Di-Vietnam, sa-telah beberapa tahun bertempur, pasukan kerajaan telah kehilangan keyakinan, kerana penderitaan yang dialami dari satu masa ke-satu masa, sedangkan anggota Kominis Viet Cong semakin bertambah bilangan-nya.

RAMPASAN KUASA

Rampasan kuasa juga telah berlaku, yang menyebabkan rayat kechewa dengan puchok pimpinan di-negeri itu.

Di-sepanjang waktu yang lalu, menurut perangkaan pihak tentera Amerika, Kominis Viet Cong dapat di-katakan berhasil menyusup gerakannya. Ini di-chatetkan dari kemalangan yang di-chapai oleh kedua2 belah pihak. Kemalangan di-pihak Vietnam jelas semakin bertambah, ia-itu

dari 21,000 dalam tahun 1963 kepada 29,500, sementara pihak Kominis Viet Cong menderita kerugian yang semakin berurangan, ia-itu dari 25,000 kepada 21,000.

Kominis Viet Cong telah memulakan gerakan menggepung, memulakan perhubungan lalu lintas jalan terpenting, landasan kereta api dan sebagai-nya yang di-sifatkan menghubungkan dua kedudukan pihak kerajaan.

Dalam masa enam bulan sahaja, Kominis Viet Cong dapat memperkuatkan gerakannya di-seluruh Vietnam Selatan. Tetapi usaha Kominis Viet Cong itu sekali lagi mengechewakan, apabila Amerika menghantarkan lebih banyak lagi pasukan2 pejuang-nya.

MENYERANG

Pasukan marine Amerika yang mula2 tiba dalam bulan March tahun 1965, telah tidak di-tugaskan untuk menyerang Kominis Viet Cong, tetapi mempertahankan kedudukan pangkalan di-Dannang, Utara Saigon dan sa-buah kawasan kecil di-sebelah pantai daerah itu.

Sementara pasukan yang lain-nya di-hantarkan ke-sebelah Selatan, kawasan pergunungan dekat Saigon. Kemudian dari itu, pasukan dari Australia, New Zealand dan Korea Selatan, turut mendampingi diri dalam perjuangan. Pasukan ini digelar pasukan bersekutu.

Dengan ketibaan semua pasukan2 itu, maka moral tentera pihak bersekutu semakin kuat, dan dalam satu gerakan yang di-sebut CHAYA BINTANG, sepasukan marin Amerika telah berjaya mengepung kira2 2,000 orang Kominis Viet Cong yang berdegil berjuang, hingga 600 dari mereka tewas dalam perjuangan itu, sementara pihak marine hanya 50 terkorban.

Walau pun gerakan di-bumi di-hadkan, tetapi pasukan udara Amerika yang menggunakan kapal2 terbang pengebom yang besar jenis B-52, telah memulakan serangan-nya ke-atas kedudukan2 gurella Kominis di-Selatan.

Gerakkan dan tekanan2 dari udara dan darat, telah menolong pihak kerajaan melumpuhkan ranchangan serangan Kominis Viet Cong, yang

di-jadualkan dalam musim hujan, pertengahan tahun 65. Namun demikian Kominis Viet Cong telah melaksanakan tektik2 baru terhadap pihak kerajaan, dengan chara gerakan subversive di-Saigon.

Perkembangan baru juga di-chetuskan oleh Viet Cong, apabila ia-nya menerima perbekalan tentera dan agen2 terlatih dari Vietnam Utara. Pasukan2 ini mulai menchurah2 masuk ke-Selatan melalui darat dan laut. Pasukan2 ini meliputi askar2 biasa, dan menurut chatetan tentera Amerika, askar2 Vietnam Utara semakin bertambah jumlah-nya, hingga sekarang terdapat kira2 sembilan regiment di-Selatan.

Penentangan terbesar pertama yang pernah berlaku ia-lah dalam bulan November di-lembah Ia Drang, di-pergunungan tengah dekat perbatasan Kemboja, dan ini ada-lah merupakan kemuncak dari kampanye perjuangan, yang dengan-nya melahirkan satu pertemporan perengkat baru yang menumpahkan darah.

Grombolan tentera Vietnam Utara itu telah di-gempur oleh pasukan pertama dari ketumbokkan udara Cavalary, ia-itu pasukan yang dapat bergerak chepat dengan 400 buah pesawat helicopter. Dalam perjuangan ini mereka menawan lebih dari 2,000 orang Tentera Vietnam Utara.

Tetapi menjelang akhir November itu, 1,101 orang anggota tentera Amerika terkorban di-Vietnam, ia-itu kemungkinan pembalasan yang di-lakukan oleh Viet Cong, pada hal dalam masa 4 tahun sudah, hanya 455 orang tentera Amerika terkorban.

Setahun dulu, kedudukan moral negara telah merosot, dengan adanya kejadian pemindahan kuasa se-chara mengejut, oleh pihak tentera. Ini merupakan perkembangan politik dari sejak penggulingan President Ngo Dinh Diem, yang memerintah selama sembilan tahun, dalam tahun 1963.

Menjelang bulan Jun, panglima2 yang masih tegap telah menyertai Naib Marshal Nguyen Cao Ky, yang akhir-nya berjaya memimpin Vietnam Selatan.

Sekarang, pihak yang berkuasa tentera mulai mewujudkan satu jentera bahru, dengan tujuan untuk mengembalikan pemerintahan kepada awam, tetapi menurut pihak tentera sendiri daya usaha untuk itu sekarang ini, nampak-nya masih lemah yang akhir-nya project itu tidak juga akan tercapai dalam tahun ini, dalam lain2 perkataan pemerintahan tidak dapat di-berikan kepada awam dalam tahun ini.



Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhammad telah menyampaikan Sijil2 Kelas Dewasa kepada 23 orang penuntut2 Kelas Dewasa Kampong Bakiau Daerah Tutong baru2 ini. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut. Berita-nya telah di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu yang lalu.

Jawatan Kosong

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penterjemah Kanan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya; dan
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam selok-belok penterjemahan sekurang2-nya selama 3 tahun; atau
- Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu/Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penterjemahan sekurang2-nya selama lima tahun, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya. Kelelahan dan pertimbangan khas akan di-beri pada mereka yang mempunyai pengalaman dari tujuh tahun ka-atas.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Penterjemah Inggeris/Melayu Dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi beberapa jawatan kosong sebagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei. Hanya chalon2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah yang di-kehendaki sahaja yang perlu memohon.

Kelayakan2 — Chalon2 mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah juga dapat membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji: — Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan \$350 - 370 - 380x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$570x30

Sharat2 Lantikan: Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa percuti. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Januari, 1966.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Penolong Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus peperiksaan "Institution of Civil Engineers" Bahagian I dan II, atau mempunyai ijazah kejuruteraan atau diploma yang membebaskan dari peperiksaan yang tersebut di-atas, dari sa-buah Universiti atau maktab yang di-akui.

- 840 sa-bulan. Tingkatan gaji yang dipakai dan gaji permulaan akan bergantung di-atas kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan: Chalon2 yang bukan ra'ayat Sultan akan di-lantik sechara berkontrek selama 3 tahun tempoh yang mana enam bulan yang pertama akan dalam percuti. Kontrek boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tambang: — Tambang kapal laut kelas satu atau dua ber-

PENOLONG JURURAWAT PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat DYMM Sultan untuk jawatan sebagai Penolong Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2 — Pemohon2 mesti-lah belum kahwin dan berumur lebih dari 18 tahun. Mereka hendak-lah lulus Form I Inggeris, atau darjah VI Melayu dan tahu berbahasa Inggeris serba sedikit.

Sukatan Gaji — Penolong Jururawat Perchubaaan: \$183x7 - 204.

Penolong Jururawat Terlatih: \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300.

Penolong Jururawat Kanan: \$290x20 - 370 - 380.

Aloa — Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa latihan. Sebagai tambahan, aloa chatuan sebanyak \$35 sa-bulan akan di-bayar semasa dalam tempoh percuti.

Perchubaaan — Tempoh percuti lazim-nya ia-lah selama 2 tahun.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

PENOLONG JURUTERA AYER

Setelah memperolehi kelayakan yang tersebut, chalon2 mesti-lah memperolehi pengalaman selama tidak kurang dari dua tahun (tambahan kepada pengalaman profesional yang lain) dalam kerja pembekalan ayer moden, sama ada dalam bidang pengelolaan dan pemeliharaan, berkaitan dengan pembekalan ayer kepada awam.

Umur mesti-lah tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan

berbahasa Melayu ada-lah satu ke-utamaan.

Gaji: Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020x40-1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1966.

PENGETUA SEKOLAH UGAMA MENENGAH (ARAB)

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pengetua Sekolah Agama Menengah (Arab) Hassanal Bolkiah, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umur di-antara 30 hingga 45 tahun;
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 University Islam yang di-akui;
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidikan tidak kurang dari 5 tahun;

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

Gaji — Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan: Kontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui jika kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tambang: — Tambang kapal laut

kelas pertama akan di-adakan dari tempat lantikan ka-Brunei bagi chalon yang berjaya, isteri-nya dan hingga tiga orang anak yang berumur tidak lebih dari 18 tahun.

Tambang: — Tambang yang serupa ka-tempat penempatan akan di-beri sa-telah tiga kontrek yang memuaskan.

Chuti: Chuti selama 4 hari sa-bulan jika di-lantik di-berumur di-bawah 40 tahun dan 5 hari sa-bulan jika yang di-lantik itu berumur lebih dari 40 tahun pada tarikh lantikan.

Rumah: — Rumah, kalau ada, termasuk perkakas rumah yang berat akan di-adakan dengan

di-kenakan sewa sebanyak 10% dari gaji sa-bulan dan tidak pula lebih dari \$120 sa-bulan.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada di-kenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setiausaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

JAWATAN JAWATAN KOSONG

PEMBANTU TEKNIK KANAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pembantu Teknik Kanan di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Lulus Form IV Inggeris atau yang sebanding dengan-nya serta lulus dalam perkara2 Ilmu Hisab dan Fisik.
- Mempunyai kelulusan yang di-akui seperti "City and Guilds Intermediate Certificate in Civil Engineering". Kelulusan yang serupa dengan itu boleh di-pertimbangkan. Sijil yang menunjukkan bahawa calon2 telah menamatkan kursus "Civil Engineering" selama satu tahun dengan memuaskan boleh di-pertimbangkan. Selain dari kelayakan teknikal, calon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal dalam "Civil Engineering".
- Calon2 yang tidak mempunyai kelayakan teknikal tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam Pengawasan semua kerja "Civil Engineering" boleh di-pertimbangkan sebelum mendapat kelulusan yang di-perlukan.

Gaji: Dalam sukatan \$520-540x 30-840 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Berkontrek selama tiga tahun termasuklah masa perhubungan bagi tempoh enam bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan, akan dilantik ka-jawatan tetap selepas

satu tempoh perhubungan selama tiga tahun.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, rumah, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha

Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Januari, 1966.

JURURAWAT2 PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Jururawat Perhubungan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah menamatkan umur 18 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengan-nya. Pemohon2 akan dikehendaki mempunyai sijil sehat tuboh badan.

Sukatan Gaji:

Dalam Perhubungan E.1-2 \$183x7-211-220x10-240. Gaji permulaan bergantung pada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlatih D(a) 1-3350-370-380.

Sharat2 Lantekan:

- Pemohon2 yang di-pileh akan menjalani latihan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlatih di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazimnya latihan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah memperoleh Sijil Jururawat Terlatih, pemohon2 ada-lah berhak di-te-

tapkan sebagai Jururawat Terlatih di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan Brunei.

- Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perhubungan akan menerima alaan Dhoi dan Alaon Makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1966.

POSMEN DI-TEMBURONG, SERIA DAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 Posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Temburong, Seria dan Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah VII Sekolah Melayu.
- Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.2 F.2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200/211-220-230-240.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Januari, 1966.

GURU SEKOLAH ARAB

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sebagai Guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umur di-antara 30 hingga 45 tahun;
- Memegang Ijazah dari mana2 University Islam yang di-akui atau pun pemegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya;
- Orang yang mempunyai Diploma Pendidikan ada-lah di-utamakan;
- Keutamaan ada-lah di-beri kepada orang2 yang ber-pengalaman dalam dunia pendidikan.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$570x30-900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Kontrek selama tiga tahun dalam mana tempoh enam bulan yang pertama ada-lah dalam perhubungan. Kontrek boleh di-baharu jika kedua2 belah pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai dengan tambang, rumah, chuti dan lain2-nya boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Januari, 1966.

TUKANG

KEBUN/PEMBERSEH

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari calon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei bagi jawatan2 sebagai Tukang Kebun/Pemberseh dalam Jabatan Pulis.

Gaji — sukatan gaji F.1 - 2 - 3 - 4 - 5 = \$143x3 - 158 - 160 - 180.

Chuti — Chuti dan tambang ada-lah mengikut sharat2 Kerajaan yang ada sekarang.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 23 Januari, 1966.

AHLI2 PULIS BARU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan

PEGAWAI LUAR

PERTANIAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Pegawai Luar Pertanian di-Pejabat Pertanian, Brunei. (4 jawatan).

Kelayakan2: — Mesti-lah lulus sijil (Rendah) dari Maktab Pertanian Serdang, Malaya atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

Gaji — Dalam sukatan \$190x7 - 211 - 220x10 - 260/BAR/290x20 - 370 380x20 - 520.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

atau mereka yang di-Bawah Naongan British peranakan Brunei untuk berkhidmat sebagai Pulis Baru dalam Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dengan sharat mereka mempunyai keperluan2 berikut: —

Pelajaran — Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris.

Umur — Antara 18 dan 28 tahun.

Tinggi — Sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi.

Dada — Sekurang2-nya 31 inchi bila tidak menarek nafas dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Gaji — \$160 sa-bulan.

Calon2 yang berjaya mesti-lah bersetuju menjalani latihan di-Malaya.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis Daerah, Brunei atau Penaga. Borang2 yang sudah di-penohkan hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 23 Januari, 1966.

Derma Hari Raya Puasa Kapada Kanak2 Yatim Orang2 Sakit Dan Banduan

BANDAR BRUNEI. — Jawatan Kuasa Derma Hari Raya Puasa kapada anak2 Yatim, orang2 Sakit dan Banduan bagi tahun hijrah 1385 bersamaan tahun masehi 1966, akan memberi derma2 tersebut sa-bagai menyambut Hari Raya Puasa bagi tahun ini.

Dalam mashuarat-nya baru2 ini Jawatan Kuasa tersebut telah membuat keputusan akan menambah pemberian kapada anak2 yatim di-Daerah Brunei dan Muara, bukan sahaja kapada anak2 yatim yang beragama Islam, bahkan juga kapada anak2 yatim yang bukan beragama Islam.

Pengerusi Jawatan Kuasa ter-

sebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berharap agar seluroh ra'ayat di-negeri ini akan bersama2 menyahut seruan ini dengan memberikan derma2 dan kerjasama untuk menjayakan tujuan ini dan mengambil perhatian yang berat terhadap masyarakat seluroh-nya demi untuk kepentingan dan kema'moran Negara Brunei Darussalam.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong ada-lah di-minta menghantarkan nama anak2 yatim dalam kawasan Kampong masing2 kapada Setiausaha Derma Hari Raya d/a Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei tidak lewat 10 Januari, 1966.

Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei Dan Muara Memperolehi Kejayaan

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 1 Januari, 1966 dengan memperolehi kejayaan.

Biduan A. T. Ahmadi dari Pancharagam Pulis Di-raja Brunei yang telah menyandang gelaran Johan dalam Bahagian Asli (Lelaki) pada tahun 1965 telah memperolehi dua gelaran pada tahun ini, ia-itu Johan Langgam dan Johan Asli.

Dua orang penyanyi2 wanita telah memperolehi dua gelaran masing2 dalam pertandingan tersebut. Biduanita2 itu ia-lah P. I. Sunah dan Siti Mariam Yusof.

Biduanita P. I. Sunah telah menyandang gelaran2 Johan Langgam dan Johan Asli. Biduanita Siti Mariam Yusof pula telah menyandang gelaran Naib Johan Asli dan Pemenang Ketiga Langgam.

KEPUTUSAN

Keputusan Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara Tahun 1966 ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI

Johan Langgam — A. T. Ahmadi.
Naib Johan Langgam — A. B. Shahari.
Pemenang Ketiga — A Rahman Yusof.

Johan Asli — A. T. Ahmadi. Naib Johan Asli — M. Bakri. Pemenang Ketiga — Md. Yatim Wahab.

BAHAGIAN WANITA

Johan Langgam — P. I. Sunah.
Naib Johan — Habibah Ibrahim.
Pemenang Ketiga — Siti Mariam Yusof.

Johan Asli — P. I. Sunah. Naib Johan — Siti Mariam Yusof. Pemenang Ketiga — A. B. Masuhara.

Dengan keputusan tersebut, tiga orang penyanyi2 lelaki dan tiga orang juga penyanyi2 wanita telah di-pilih untuk mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Pertandingan Bintang Radio Kejuhanan Seluruh Negeri Brunei Tahun 1966 yang akan di-

langsungkan pada masa Sambutan Hari Raya Puasa akan datang.

Mereka ia-lah Biduan2 A. T. Ahmadi, A. B. Shahari dan M. S. Bakri serta Biduanita2 P. I. Sunah, Habibah Ibrahim dan Siti Mariam Yusof.

Dayang Jessy Ali, ia-itu Isteri Awang Ali bin Awang Besar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah menyampaikan hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

Pancharagam Enam Serama dari Studio Radio Brunei telah bermain di-temasha tersebut. Pemain2 musik pancharagam itu ia-lah Shariff Ismail, Idris Mohamed, Idris Isa, Abdullah Haji Sabli, Sabli Hitam dan Suhaili Awang Besar.

PESTARAMA IDILFITRI

Sementara itu pada malam Ithnin pula, Radio Brunei Bahagian Melayu telah mempersembahkan temasha PESTARAMA IDILFITRI.

Beberapa orang penyanyi2 yang terkenal di-negeri ini telah mempersembahkan nyanyian mereka di-temasha Pestarama Idilfitri tersebut.

Di-samping itu dua orang ahli2 lawak tempatan, Awang Yassin Bustamam dan "Dayang" H. M. Ellen telah berlawak-jenaka dengan "menggelihati" para penonton.

Kemunchak dari persembahan itu ia-lah RANCHANGAN T.S.S. (Terimalah Sampul Surat-ku) di-bawah nim-

pinan Yusof Haji Abdul Kadir telah memperolehi sambutan yang meriah dari para penonton.

Beberapa orang pemuda dan pemudi telah di-jemput naik ka-atas pentas di-mana mereka telah menjawab berbagai2 so'alan. Pemuda2 dan Pemudi2 yang bernasib baik itu telah mendapat hadiah2 yang istimewa.



Tiga orang penyanyi2 wanita dalam gambar ini telah di-pilih untuk mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Pertandingan Bintang Radio

Kejuhanan Seluruh Negeri Brunei pada tahun ini. Dari kiri: Habibah Ibrahim, Siti Mariam Yusof dan P. I. Sunah.

A. T. Ahmadi (di-tengah) di-apit oleh A. B. Shahari (kiri) dan M. S. Bakri (kanan) akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Pertandingan Bintang Radio Kejuhanan Seluruh Negeri Brunei yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada masa Sambutan Hari Raya Puasa dalam bulan Januari ini. Mereka telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Kejuhanan Seluruh Negeri Brunei sa-lepas berjaya dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara baru2 ini.

Feraduan Bahath Asterawani

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Bahath anjoran Persatuan ASTERAWANI Brunei akan di-adakan tidak berapa lama lagi. Permohonan2 hendak-lah di-alamatkan kepada Setia Usaha Agong ASTERAWANI d/a Peti Surat 434 Bandar Brunei sebelum 15 Januari, 1966

Masa Terima Wang Pejabat Kenderaan

KUALA BELAIT. — Pejabat Kenderaan Darat Kerajaan di-Kuala Belait akan menerima bayaran2 hanya di-antara jam 8-30 pagi ka-jam 2 petang pada tiap2 hari dari hari Ithnin ka-hari Khamis dan pada hari Sabtu dalam bulan Ramadhan ini.

MASHUARAT AGONG S.R.C.

SERIA — Mashuarat Agong Tahunan Shell Recreation Club, Seria akan di-adakan di-Dewan S.R.C. pada 22 Januari, 1966. Penamaan chalon Pegawai2 Baru kelab tersebut akan di-tutup pada 8 Januari, 1966.

M. Bakri kelihatan semasa ia mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 1 Januari, 1966. Pemain2 musik Pancharagam Enam Serama dari Studio Radio Brunei, kelihatan dalam gambar ini sedang asheh bermain alat musik masing2.

